

Hasil minyak dan gas untuk generasi masa hadapan: cara menambah baik KWAN

1. Apakah tujuan kertas kerja tersebut?

- Kertas kerja tersebut membincangkan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), menilai kekuatan dan kelemahan KWAN dan mencadangkan beberapa penambahbaikan.

2. Apakah Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN)?

- Kumpulan Wang Amanah Negara adalah sebuah tabung amanah kerajaan yang diperkenalkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk memastikan Malaysia mempunyai sebahagian simpanan daripada sumber aslinya yang semakin berkurangan.
- Simpanan ini boleh digunakan sebagai satu sumber pendapatan alternatif untuk perbelanjaan pembangunan bagi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.

3. Kenapa kita perlu menambahbaik KWAN?

- Telah berlaku banyak perbincangan tentang perlunya untuk mewujudkan sebuah Kumpulan Wang Petroleum Khas, yang mana keseluruhan atau sebahagian daripada hasil petroleum Malaysia akan disimpan, untuk menjadikan kerajaan Malaysia lebih berhemah dalam soal hasil kerajaan dan kurang bergantung kepada hasil petroleum yang tidak mapan.
- Kertas kerja ini berpendapat, daripada menubuhkan kumpulan wang amanah yang baru, KWAN yang sudah sedia ada sepatutnya dikekalkan sebagai kumpulan wang petroleum negara dan ditambahbaik lagi.
- KWAN mempunyai potensi untuk menjadi satu kumpulan wang bagi petroleum yang boleh menyimpan hasil petroleum negara dan menggalakkan kerajaan untuk lebih berhemah dan berdisiplin dalam soal pendapatan kerajaan. Walau bagaimanapun, ia masih tidak mencapai potensi yang dikehendaki.
- Tahun ini, kumpulan tersebut sudah mencapai umur 26 tahun dan jumlah wang yang terkumpul hanyalah RM 9 billion. Jumlah tersebut hanya mewakili 1.5 peratus daripada keseluruhan jumlah pendapatan petroleum yang terkumpul sejak 26 tahun yang lepas, iaitu berjumlah RM 600 billion.
- Jika kita bandingkan kekayaan yang dimiliki KWAN dengan Kumpulan Wang Sumber Asli negara lain yang ditubuhkan kemudiannya, jumlah ini boleh dikatakan kecil (lihat Jadual 1)

Jadual 1: Kekayaan KWAN dibandingkan dengan Kumpulan Wang Sumber Asli daripada Norway, Chile dan Timor Leste

	KWAN	Kumpulan Wang Persaraan Sedunia Norway	Kumpulan Wang Persaraan Simpanan Chile	Kumpulan Wang Penstabilan Ekonomi dan Sosial Chile	Kumpulan Wang Petroleum Timor Leste
Tahun ditubuhkan	1988	1990	2006	2006	2005
Jumlah kekayaan	USD 3.1 Billion (Disember 2013)	USD 670 Billion (Julai 2013)	USD 7.01 Billion (Ogos 2013)	USD 15.21 Billion (Ogos 2013)	USD 13.5 billion (Ogos 2013)
Skor Natural Resource Governance Index (NRGI)	46	100	87	87	

4. Bagaimana kita boleh menambahbaik KWAN?

- Kita boleh menambahbaik mekanisma urus tadbir yang mengawal selia soal siapa yang menguruskan soal pembiayaan, soal bagaimana proses deposit dan pengeluaran dilaksanakan dan soal bagaimana ia bertanggungjawab kepada pembayar cukai.
- Satu kajian yang dilakukan Natural Resource Governance Institute (NRGI) dan Columbia Center for Sustainable Institute (CCSI) tentang Kumpulan Wang Sumber Asli di seluruh dunia mendapati bahawa urus tadbir yang bagus adalah sangat penting dalam memastikan kumpulan wang tersebut mencapai objektif mereka.

5. Jadi, apakah dasar yang diperlukan bagi urus tadbir yang bagus untuk kumpulan wang sumber asli?

- Berdasarkan kajian daripada National Resource Governance Institute dan Columbia Center on Sustainable Investment, sebuah Kumpulan Wang Sumber Asli yang diurus tadbir dengan baik seharusnya mempunyai **enam ciri** yang berikut:
 - Objektif yang jelas
 - Peraturan fiskal yang jelas, wajar, dan dikuatkuasakan dengan baik.
 - Peraturan pelaburan yang jelas, wajar, dan dikuatkuasakan dengan baik.
 - Pembahagian tanggung jawab yang jelas di antara badan tertinggi ke atas kumpulan wang tersebut, pengurus kumpulan wang, pengurus operasi harian dan wujudkan juga kuatkuasa etika dan piawaian percanggahan kepentingan.
 - Pendedahan maklumat penting dan audit kepada awam secara berkala dan menyeluruh.
 - Badan pengawal selia yang bebas yang memantau perilaku kumpulan wang dan menguatkuasakan peraturan.

6. Berdasarkan kepada dasar-dasar tersebut, apakah kekurangan yang dihadapi oleh KWAN?

- KWAN mempunyai objektif yang jelas, tetapi ia dinyatakan dalam Laporan Tahunan, yang mana tidak mudah dicapai oleh orang awam.
- Peraturan deposit dan pengeluaran terlalu umum.
- Pembahagian tanggung jawab adalah jelas, tapi masih boleh ditambahbaik untuk kawal pemantauan yang lebih baik.
- Pendedahan berkenaan maklumat dana kepada umum masih minimum.

7. Jadi, bagaimana kita boleh menambahbaik KWAN?

- Nyatakan objektif dengan jelas di dalam dokumen polisi, sebaiknya di dalam Akta KWAN.
- Deposit kepada KWAN hanya boleh dibuat daripada Kumpulan Wang Disatukan.
- Melaksanakan peraturan perbelanjaan (*Expenditure Rule*) agar sebahagian hasil petroleum dapat disimpan dalam KWAN'.
- Semak semula peraturan pengeluaran dana KWAN untuk memastikan jumlah yang dikeluarkan tidak melebihi pulangan pelaburan dan pengeluaran ini patut menjadi sebahagian daripada proses belanjawan.
- Semak semula peraturan pengeluaran daan KWAN untuk memastikan pengeluaran jumlah yang berbaki diluluskan oleh parlimen dan digunakan untuk tujuan yang diperuntukkan dan dipersetujui oleh pelbagai pihak yang berkepentingan.
- Semak semula mekanisma pemantauan dan struktur pengurusan KWAN dengan cara yang berikut:
 - Kementerian Kewangan akan menjadi pemilik dan pengurus bagi KWAN, tetapi urusan harian akan kekal menjadi tanggungjawab Bank Negara Malaysia.
 - Natijahnya, Panel KWAN tidak lagi menjadi pengurus KWAN. Sebaliknya, mereka akan bertindak sebagai penyelia atau majlis penasihat kepada pengurus KWAN (Kementerian Kewangan) dan melapor terus kepada parlimen.
 - Walau bagaimanapun, keahlian bagi panel KWAN harus disemak semula. Sektor swasta boleh dijemput untuk menjadi panel dan ahli daripada Kementerian Kewangan tidak perlu lagi ada.
 - Seorang auditor luar boleh dijemput untuk audit pengurusan kumpulan wang oleh Bank Negara Malaysia.
- Menambahbaik pendedahan kepada awam dengan:
 - Membolehkan Laporan KWAN dimuat turun di laman sesawang Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan parlimen, atau
 - Menyediakan laman sesawang khusus yang berisi maklumat penting berkenaan KWAN. Laman sesawang ini boleh diuruskan oleh BNM sebagai pengurus harian KWAN.